

PKR Sarawak sebulat suara mahu Anwar tak dicabar terajui parti

Kuching: Semua 31 cabang PKR Sarawak mencadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dicabar sebagai Presiden parti untuk satu penggal lagi pada kongres nasional tahun ini.

Ketua Penerangan PKR Sarawak, Senator Abun Sui Anyit, berkata keputusan sebulat suara itu dibuat pada mesyuarat tahunan cawangan yang diadakan bulan ini.

“Semua cabang PKR Sarawak mencalonkan Anwar sebagai sa-

tu-satunya calon Presiden parti yang tidak boleh dicabar.

“Ini bagi membolehkan beliau memberi tumpuan kepada pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai Perdana Menteri,” katanya dalam kenyataan semalam.

Abun berkata, sayap Pemuda dan Wanita PKR negeri juga selesai mengadakan mesyuarat tahunan.

“Tarikh mesyuarat cabang PKR negeri ditetapkan oleh pejabat Setiausaha Agung parti yang diketuai Senator Dr Fuziah

Salleh,” katanya.

Sebelum ini, 24 cabang PKR Sabah sebulat suara mengusulkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti itu tidak dipertanding.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Sabah, Datuk Mustapha Sakmud, berkata perwakilan di setiap cabang bersejua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden yang disandang, Datuk Seri Rafizi Ramli tidak dipertanding.

Abun berkata, majlis pimpi-

nan PKR Sarawak menegaskan setiap calon bagi jawatan parti perlu mematuhi etika dan disiplin pertandingan yang dikuatkuasakan Jawatankuasa Pemilihan Parti dipengerusikan Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

“Ini termasuk mengelak fitnah dan serangan peribadi terhadap calon lain,” katanya.

PKR dijadual mengadakan pemilihan di peringkat cabang dari 11 hingga 20 April, manakala bagi kepimpinan pusat pula berlangsung pada 24 Mei depan.